

### **Bakti Disemai, Bukti Dituai**

Kesibukan Tugas Harian tidak menghalang Pn. Sarimah Jamil untuk menabur bakti kepada masyarakatnya, disamping tugas berat sebagai seorang guru dan juga ibu kepada lima orang anak.



Lepasan Maktab Perguruan ini merupakan anak ke dua daripada lima orang adik beradik. Sementara ayahnya seorang pesara JAKOA (sebelum ini JHEOA) dan kini bergelar Tok Batin.

Aktif diperingkat akar umbi, dan kini menjawat jawatan Pengerusi JKKK Kg. Orang Asli Tg. Sepat, Selangor.

Dalam Mesyuarat Agung Ke VI Persatuan Siswazah Orang Asli Semenanjung Malaysia (PSOA) pada 27 Mac 2011, beliau dipilih sebagai Setiausaha.

Pn. Sarimah menasihati masyarakat Orang Asli khususnya ibubapa supaya menitik berat pelajaran anak-anak. Sentiasa berusaha dan pastikan anak-anak belajar dengan jaya sehingga

## Tanggungjawab Sosial

Ditulis oleh Ketua Editor

Selasa, 13 September 2011 10:44 - Terakhir dikemaskini Selasa, 13 September 2011 17:15

---

ke menara gading. Tegasnya juga, pelajaran akan dapat merubah nasib masa depan mereka. Ini jelas terbukti, berdasarkan kehidupan anak-anak Orang Asli yang telah berjaya dalam pendidikan. Ada diantaranya bergelar Profesor, Pensyarah, Majestret, Doktor Perubatan, Pentadbir, Peguam, Jurutera, Guru, usahawan, dan lain-lain. Menurutnya, sebilangan mereka yang berjaya ini juga adalah merupakan ahli-ahli persatuan dan aktif bersama masyarakat.

Bagi En. Hanizam, individu Orang Asli yang berjaya dalam pendidikan serta aktif bersama masyarakat merupakan individu atau kumpulan yang menjadi perhatian dan contoh kepada masyarakat Orang Asli. Berdasarkan pengalaman beliau sebagai guru, mendapati ramai pelajar sekolah lebih bersemangat mencontohi mereka.



En. Hanizam, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa PSOA.

